

NO. SOALAN: 313

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN N. SURENDRAN A/L K. NAGARAJAN
[PADANG SERAI]**

RUJUKAN : 10686

SOALAN :

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah purata tempoh masa yang diambil untuk memberi keputusan bagi permohonan-permohonan kewarganegaraan di bawah fasal 14 Perlembagaan Persekutuan iaitu melalui kuat kuasa undang-undang.

28

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 14, Perlembagaan Persekutuan adalah merujuk kepada pemerolehan kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang bagi individu yang dilahirkan di negara ini dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Antara perkara yang dirujuk bagi menentukan pemerolehan kewarganegaraan di bawah peruntukan tersebut adalah status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa individu sewaktu kelahiran berlaku. Sekiranya individu memenuhi syarat yang ditetapkan, Sijil Kelahiran mereka akan direkodkan dengan taraf Warganegara.

Dalam situasi di mana syarat-syarat berkaitan tidak dapat dipatuhi, individu tersebut tidak mempunyai hak untuk menuntut kewarganegaraan Malaysia secara kuat kuasa undang-undang. Walau bagaimanapun, mereka boleh mengemukakan permohonan kewarganegaraan secara pendaftaran di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), yang mana pertimbangan adalah tertakluk kepada Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan.

SOALAN : 314

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN N. SURENDRAN (PADANG SERAI)

RUJUKAN : 10687

SOALAN :

PR-1361-T01995

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jika Kerajaan bercadang
untuk meminda Seksyen 6(3) Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155)
supaya hukuman sebat dimansuhkan.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Seksyen 6 Akta Imigresen 1959/63 memperuntukkan mengenai Kawalan Masuk Ke Dalam Malaysia di mana tiada seorang pun selain daripada seseorang warganegara yang boleh memasuki Malaysia melainkan ia memiliki Permit Masuk yang sah dan namanya diendoskan di atas Permit Masuk, dan ia masuk bersama-sama dengan pemegang Permit, ia memiliki suatu Pas yang sah yang dikeluarkan dengan sah kepadanya bagi memasuki Malaysia dan ia dikecualikan di bawah seksyen ini oleh satu perintah yang dibuat di bawah Seksyen 55.

Kerajaan tidak mempunyai sebarang cadangan untuk melakukan sebarang pindaan hukuman sebat bagi Seksyen 6(3) Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155).